



INGATAN ... Babyneline menyampaikan cendera kenangan kepada Sister Germaine sempena Sambutan Reunion SM St Anne 2020.



NOSTALGIA ... sebahagian daripada bekas pelajar yang memakai semula pakaian sekolah pada sambutan Reunion SM St. Anne 2020.

Reunion SM St. Anne himpunkan mantan guru dan pelajar 1998-2002

OLEH JAINUDIN DJIMIN

LABUAN: Reunion SM St. Anne 2020 bukan sekadar perjumpaan antara pelajar yang pernah bersekolah di SM. St Anne pada tahun 1998 hingga 2002, sebaliknya program tersebut lebih meriah apabila dihadiri oleh mantan guru yang pernah mengajar pelajar berkenaan.


Program tersebut telah diadakan pada penghujung bulan Februari lalu disalah sebuah hotel terkemuka di sini.

Menurut Pengerusi Penganjur program tersebut, Babyneline Kimpilid, program yang sudah dirancang sejak setahun lalu melahirkan rasa syukur dan teruja apabila hampir kesemua mantan guru dan bekas pelajar tahun 1998-2002 termasuk mantan pengetua Sister Mary Germaine (1996-2008) dapat menghadirkan diri semata-mata mahu bertemu dengan rakan-rakan yang terpisah sejak hampir 20 tahun yang lalu.

"Perkara paling sukar sekali ialah menjejaki mantan guru yang sudah lama terpisah terutama sekali mereka yang kini menetap di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Bagi melaksanakan misi ini, saya dan rakan-rakan berhubung dengan beberapa pejabat pendidikan di merata tempat untuk bertanya jika ada guru yang berkenaan untuk kami hubungi.

"Syukur hasil kerja keras saya bersama rakan-rakan yang lain, kami akhirnya berjaya menghubungi hampir 70 peratus mantan guru dan pelajar termasuk seorang daripadanya yang berada di China dan dapat hadir bersama-sama dalam program ini," katanya.

Beliau berkata, program yang di-



CERIA ... sebahagian daripada mantan guru dan bekas pelajar yang hadir memeriahkan Reunion SM St. Anne 2020.



KEK ... Germaine memotong kek sempena sambutan Hari Lahir yang jatuh pada tahun lompat 29 Februari sambil diperhatikan oleh rakan-rakan Germaine dan Babyneline (kanan sekali).

adakan pada penghujung bulan Februari lalu itu telah dihadiri lebih 200 mantan pelajar termasuk 46 mantan guru yang sebahagiannya telah bersara dan ada juga yang bertukar ke negeri lain.

Pelbagai acara menarik telah diadakan, manakala acara simbolik program ialah meraikan sambutan hari kelahiran mantan Pengetua, Sister Mary Germaine

yang disambut empat tahun sekali (tahun lompat).

Turut hadir memeriahkan sambutan tersebut ialah Paderi Gereja Blessed Sacrament Labuan, Rev. Fr. Thomas Madanan, mantan Pengetua SM St. Anne (2008-2019), Chan Kwi Fong, Pengetua SM St. Anne, Mary Anita Abah dan Guru Penasihat Reunion, Hanijah Meskan.